

ANALISIS KONSEP FILANTROPI ISLAM DALAM PENGAGIHAN HARTA MENURUT AL-QUR'AN DAN HADIS^{*}

(*Analysis of the Concept of Islamic Philanthropy in the Distribution of Property According to the Qur'an and Hadith*)

Farziyatul Firzanah binti Dzilyaul Afraz¹,
Tengku Fatimah Muliana binti Tengku Muda², Sumayyah binti Ab Aziz³

ABSTRACT

Philanthropy is one of the elements that involves property and benefits from a property. In terms of practicality, philanthropy is the process of applying the element of 'together' in the management of community life which is important to address the issue of social well-being. Therefore, this paper will analyze the concept of Islamic philanthropy in the distribution of property based on the Quran and Hadith. Through the method of document analysis using the book of interpretation, hadith and literature in the relevant theme, the secondary data collected will be analyzed by analysis of the content. The findings show that the concept of Islamic philanthropy in the distribution of property according to the Quran and Hadith is linked to four main principles which are philanthropy, property sharing, achievement of benefits and love. These principles clearly connects the worship among the community to obtain

^{*} This article was submitted on: 10/01/2023 and accepted for publication on: 22/06/2023.

¹ Calon ijazah sarjana (Master) di Pusat Pengajian Siswazah, Fakulti Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu.

Emel: firzanahafraz22@gmail.com

² Pensyarah universiti di Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik, Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu. Beliau boleh dihubungi melalui no telefon 09-6688156.

Emel: tg_fatimah@unisza.edu.my

³ Pensyarah universiti di Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu. Beliau boleh dihubungi melalui no telefon 09-6688147.

Emel: sumayyahaziz@unisza.edu.my

good and reward from Allah SWT. The results of this paper are expected to contribute to society in improving social well-being.

Keywords: *Philanthropy, Benevolence, Well-Being*

ABSTRAK

Filantropi merupakan antara elemen kebaikan yang melibatkan harta dan manfaat daripada sesebuah harta. Dari aspek praktikaliti, filantropi merupakan proses penerapan elemen ‘kebersamaan’ atau ‘berjemaah’ dalam pengurusan kehidupan bermasyarakat yang penting bagi mendepani isu kesejahteraan sosial. Oleh itu, kertas kerja ini akan menganalisis konsep filantropi Islam dalam pengagihan harta berdasarkan al-Quran dan hadis. Melalui kaedah analisis dokumen menggunakan kitab tafsir, hadis serta literatur dalam tema yang berkaitan, data sekunder yang dikumpulkan akan dianalisis secara analisis kandungan. Dapatan menunjukkan konsep filantropi Islam dalam pengagihan harta menurut Al-Quran dan hadis dikaitkan dengan empat prinsip utama iaitu kedermawanan, perkongsian harta, pencapaian manfaat dan berkasih sayang. Prinsip ini jelas menghubungkaitkan ibadah dalam kalangan masyarakat bagi mendapatkan kebaikan serta ganjaran pahala daripada Allah SWT. Hasil kertas kerja ini diharapkan memberi sumbangan kepada masyarakat dalam meningkatkan kesejahteraan sosial.

Kata Kunci: *Filantropi, Kebajikan, Kesejahteraan*

1.0 PENGENALAN

Setiap makhluk di muka bumi ini dicipta oleh Allah SWT dengan diberi kemudahan untuk meneroka seluruh isi alam ini dan mengambil manfaat darinya. Ciptaan manusia sebagai khalifah justeru berperanan mengeluarkan hasil dari alam semesta dengan tujuan meneruskan kehidupan dengan kelengkapan yang selesa seperti pakaian, makanan, ubat-ubatan, tempat perlindungan dan sebagainya. Islam juga menggalakkan pengumpulan dan pengembangan harta, walaupun mereka bukan pemilik hakiki kepada harta berkenaan. Hal ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam Al-Quran iaitu :

عَامِلُوا بِاللهِ وَرَسُولِهِ وَأَنْفَقُوا مَا جَعَلَكُمْ مُسْتَحْفَفِينَ فِيهِ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا
لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ

Terjemahan: Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hartamu yang Dia jadikan kamu menguasainya. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan mereka menafkahkan (sebahagian dari hartanya), bagi mereka lah pahala yang besar.

Surah Al-Hadid(57) : 7

Ayat di atas menyebut tentang menafkahkan harta. Ulama berbeza pendapat mengenai kepelbagaiannya tujuan harta diinfaqkan⁴. Antaranya ialah tujuan perang di jalan Allah, menunaikan zakat wajib dan melaksanakan zakat sunnah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ini menunjukkan manusia tidak berhak mendakwa sesuatu harta adalah miliknya. Mereka hanya dibenarkan mengambil dan memanfaatkannya sahaja. Hal ini membuktikan harta juga merupakan makhluk Allah SWT yang bersifat sementara dan harta tersebut adalah hak milik mutlakNya. Manusia hanya menjadi pengganti sementara dalam mengendalikan harta milik Allah SWT⁵. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan tuntutan pengagihan dan pengurusan harta melalui konsep filantropi yang telah disyariatkan dalam Al-Quran sebagai panduan untuk memenuhi kemaslahatan umat sejagat.

2.0 KONSEP FILANTROPI ISLAM

Manusia diciptakan oleh Allah SWT sebagai makhluk yang dikurniakan pelbagai emosi seperti sedih, marah, sayang, cinta, belas kasihan, takut dan kecawa. Terma filantropi berasal daripada dua suku kata bahasa Yunani. Pertama ialah *philos* yang bermaksud sayang atau cinta manakala seterusnya ialah *anthropos* yang bererti manusia. Oleh itu, gabungan kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud cinta atau sayang terhadap sesama manusia⁶. Ungkapan filantropi ini ialah suatu konsep *filosofis* yang lebih memfokuskan kepada hubungan sesama manusia dan perasaan mencintai seseorang serta sekumpulan orang kepada sesamanya⁷.


⁴ Al-Qurthubi, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr Al-Qurthubi (2006). *Al-Jami' li Ahkam Al-Quran*. Beirut : Muassasah Ar-Risalah.

⁵ Abdul Kadir Andah (1983), *Harta dan Pemerintahan dalam Islam* (trj. Haji Salahuddin Abdullah). Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

⁶ Razali bin Othman (2019), Filantropi Islam Dan Wakaf Korporat Di Malaysia, Dalam Hisyam, M & Syahidah, N (Eds.). *Konsep Filantropi dalam Sudut Pandang Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, p. 29-49.

⁷ Hilman Latief (2013), Filantropi Dan Pendidikan Islam Di Indonesia. *Jurnal Pendidikan Islam*. 28(1), p. 123.

Filantropi melibatkan tindakan yang dibuat berdasarkan perasaan sayang dan cinta. Oleh itu, filantropi dalam Islam ialah sifat sayang yang mencetuskan sifat sukarela untuk membantu orang lain dengan menggunakan sesuatu medium kerana ingin mencapai keredaan daripada Allah SWT. Hal ini kerana konteks ibadah dalam Islam tidak hanya terhad kepada ibadah individu semata-mata, malah beribadah dengan cara berusaha untuk membantu masyarakat juga diberi penekanan. Ganjaran ibadah bagi kedua-dua elemen ini menjanjikan ganjaran yang sama oleh Allah SWT iaitu kehidupan di syurga kelak. Rajah 1 di bawah menunjukkan konsep filantropi melalui ibadah dengan lebih terperinci :



Rajah 1: Hubungan filantropi dan ibadah

Rajah di atas menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang menjaga kemaslahatan sama ada bagi individu maupun masyarakat. Kedua-dua pihak tersebut digalakkan saling memberi untuk memenuhi keperluan hak masing-masing. Bagi mencapai kesejahteraan dalam komuniti, keharmonian perlu diwujudkan dalam hubungan sosial. Konteks filantropi sendiri mengetengahkan elemen keharmonian melalui aktiviti kemasyarakatan. Kebebasan aktiviti kemasyarakatan ini bergantung pada individu itu sendiri kerana merangkumi pendekatan sosial dengan cara menanamkan sifat prihatin iaitu prihatin terhadap diri sendiri, guru, sahabat, keluarga dan lingkungan masyarakat lain. Perlaksanaan aktiviti tersebut dipamerkan melalui perbuatan menghulurkan bantuan, melakukan kerja bakti dan menziarahi sahabat yang ditimpa musibah⁸. Konsep filantropi Islam turut meluaskan aspek bentuk sumbangan yang merentasi sumbangan harta, contohnya sumbangan tenaga, sumbangan idea dan pelbagai lagi bentuk sumbangan yang mendatangkan manfaat timbal balik dalam masyarakat.

Dalam aspek sumbangan harta, menjadi lumrah bagi seorang dermawan disayangi oleh masyarakat kerana sifatnya yang pemurah dengan memanfaatkan hartanya bagi membantu golongan yang memerlukan. Sejarah kedermawanan ini telah lama berlaku semasa hayat Nabi Muhammad SAW lagi. Melalui tokoh sahabat tersohor pada zaman tersebut, jelas membuktikan sejarah filantropi Islam

⁸ Fifi Nofiaturrrahmah, (2018), Penanaman Karakter Dermawan Melalui Sedekah, ZISWAF : Jurnal Zakat & Wakaf, 4(2), p. 313

mula wujud sejak penyebaran dakwah Islam semasa zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW. Saidina Uthman bin Affan R.A merupakan seorang khalifah yang terkenal dengan harta kekayaannya. Namun, nikmat harta tersebut tidak menjadikannya seorang yang bakhil sebaliknya beliau sendiri sanggup mengorbankan kekayaannya untuk keperluan rakyat dan keperluan pemerintahannya. Kebijaksanaan khalifah ini dalam mentadbir jelas ketara melalui perlaksanaan penggembalaan ternak untuk memberi hasil kepada negara⁹. Melalui sifat pemurah Saidina Uthman ini, dapat dilihat bahawa tujuan filantropi ini adalah untuk memberi manfaat kepada semua pihak.

Selain itu, konsep filantropi turut ditunjukkan melalui sumbangan tenaga untuk membantu orang lain. Sebagai contoh, tokoh Islam semasa zaman Nabi Muhammad SAW iaitu Ammar bin Yasif menunjukkan sifat keprihatinnya melalui peristiwa pembinaan Masjid Quba'. Tujuan asal pembinaan masjid tersebut adalah sebagai tempat berteduh baginda Nabi SAW sewaktu penghijrahan ke Madinah¹⁰. Kesan pembinaan tersebut memberi manfaat kepada masyarakat untuk beribadah di masjid itu. Melalui peristiwa ini, dapat disimpulkan bahawa konsep filantropi adalah meluas. Sumbangan tenaga juga merupakan salah satu bentuk yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Ini menyimpulkan suasana filantropi Islam dibentuk dalam keadaan harmoni melalui pencapaian kemaslahatan yang seimbang dalam kalangan masyarakat.

3.0 ELEMEN FILANTROPI ISLAM DALAM PENGAGIHAN HARTA MENURUT AL-QUR'AN DAN HADIS

Asas filantropi Islam bersifat individual kerana berkaitan dengan ibadah dan rasa suka rela berbuat sesuatu tanpa paksaan. Dalam Islam, penentuan matlamat hidup manusia secara tidak langsung dapat meninggikan kebajikan sosial dalam kalangan masyarakat. Filantropi Islam pada masa kini dengan faktor ekonomi yang terikat dengan kebajikan masyarakat¹¹. Penulis mendapati asbab nuzul Surah Al-Baqarah ayat 215 menunjukkan menginfakkan harta untuk masyarakat sekeliling akan mewujudkan penyatuan dalam kalangan orang Islam agar tidak wujud jurang sesama kaum muslimin. Firman Allah SWT iaitu :

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِّنْ خَيْرٍ فَإِلَوَلَدُنِي وَالْأَقْرَبَينَ وَالْيَتَامَى وَالْمَسَكِينِ

⁹ Hadji Sjech Marhaban, (1977), *Tokoh-Tokoh Islam di Zaman Nabi*, Singapura: Pustaka Nasional, p. 21

¹⁰ Ibid, p. 49

¹¹ Maughfira Helni Mufida, Firda Isnaini Kamaliyah & Hikma Ayu Ramadhani, (2022), Menelaah Al-Quran & Hadis Filantropi Islam ‘Perbandingan Tafsir Ibnu Katsir Dan Tafsir Fi Zhilalil Quran’. *Jurnal Al-Munit*, 4(2), p. 300.

وَأَبْنَى لِلّٰهِ سَبِيلٌ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فٰإِنَّ اللّٰهَ يَعْلَمُ عَلِيهِمْ^(١٥)

Terjemahan : Mereka bertanya kepadamu (Muhammad) apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapa)? Katakanlah “Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikan kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah) apa jua yang jenis kebaikan yang kamu laksanakan, maka sesungguhnya Allah SWT sentiasa mengetahuiNya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).

Surah Al-Baqarah(2): 215

Islam telah menggariskan dasar filantropi dari segi perspektif Islam yang menghubung kaitkan kebaikan dan kerohanian seperti zakat, sedekah dan wakaf. Semua medium ini justeru mendorong kegiatan ekonomi yang boleh memberi pelbagai faedah kepada masyarakat. Orang-orang yang beriman kepada Allah SWT didorong untuk melaksanakan perbuatan yang baik, produktif, beramal soleh dan efisien. Ayat-ayat Al-Quran dan hadis yang menerangkan tentang ketakwaan kepada Allah SWT akan dirungkaikan secara langsung dengan suruhan untuk berbuat baik, berbuat perkara yang bermanfaat dan tidak merugikan orang lain melalui formula yang disebut dalam kedua-dua panduan utama ini dengan istilah amal soleh. Dalam bab ini, terdapat empat prinsip filantropi Islam yang disebut dalam Al-Quran dan hadis iaitu kedermawanan, perkongsian harta, pencapaian manfaat dan kasih sayang.

3.1 Kedermawanan

Kedermawanan ialah sifat sosial dalam diri individu yang mengandungi unsur-unsur kerohanian dan mampu menimbulkan suasana aman dan harmoni. Sifat ini turut menentukan hubungan antara individu dengan dirinya, individu dengan masyarakat dan individu dengan negara. Konteks kedermawanan menghasilkan sifat ikhlas dan tawaduk dalam diri seseorang. Tujuan melaksanakan kebaikan adalah untuk mendapat keredaan daripada Allah SWT. Firman Allah SWT mengenai kedermawanan seperti di bawah iaitu :

يَأَيُّهُمْ مَنْ أَسْلَمَ رَجُلٌ وَلَلّٰهُ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرٌ وَلَا حَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ^(١٦)

يَحْزَنُونَ

Terjemahan : (Tidak demikian) bahkan barang siapa yang menyerahkan diri kepada Allah sedang dia berbuat kebaikan, maka

baginya pahala pada sisi Tuhan dan tiada keimbangan terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.

Surah Al-Baqarah(2): 112

Perkataan **وَهُوَ حَسَنٌ** yang bermaksud ‘sedang dia berbuat kebajikan’ merujuk kepada perbuatan Rasulullah SAW. Syarat penerimaan sesuatu amalan perlu memenuhi dua syarat iaitu ikhlas kerana Allah SWT dan mematuhi syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW¹². Sekiranya amalan yang dilakukan bersifat ikhlas namun tidak berlandaskan syariat, maka amalan tersebut tetap tidak diterima. Sebagaimana perbuatan mencuri yang pernah diceritakan dalam kisah Robin Hood yang mencuri untuk membantu orang miskin. Perbuatan membantu sangat dialu-alukan dalam Islam namun perbuatan mencuri amat ditegah kerana menganiaya orang lain.

Sifat seorang dermawan ialah mempunyai belas kasihan terhadap golongan yang memerlukan. Sifat belas kasihan mempengaruhi minda manusia membayangkan kesusahan yang dihadapi oleh seseorang. Sebagai contoh, anak-anak yatim yang kehilangan ibu bapa pada usia muda terutamanya bagi mereka yang masih kecil. Mereka diuji dengan kehilangan orang tersayang dan harus menagih perhatian daripada orang lain yang bukan daripada keluarga mereka. Sedangkan manusia biasa yang tidak mendapat perhatian ibu bapa juga mengalami kesedihan, bagaimana pula dengan anak-anak yatim yang terpaksa mengharungi ujian kehilangan pada usia yang masih kecil? Meskipun jumlah harta yang didermakan tidak mampu menggantikan kesedihan mereka, namun cukup anak-anak yatim ini berasa senang apabila melihat masih terdapat beberapa individu yang masih mengambil berat tentang diri mereka.

Menderma harta bukan perkara yang mudah dilaksanakan sebaliknya memerlukan keikhlasan dan sifat rela hati yang tinggi. Selain itu, menjadi seorang dermawan kadang kala menguji keikhlasan hati mereka. Hal ini kerana menjadi lumrah masyarakat akan menjadikan sesuatu sifat itu sebagai contoh apabila mereka melihat terdapat individu yang mengamalkannya. Namun sebagai seorang Muslim yang bertakwa, pemahaman mencapai keredaan Allah SWT justeru menjadi semangat buat mereka untuk terus menderma kerana yakin harta yang didermakan akan terus membiak dan berkembang mengikut janji Allah SWT.

3.2 Perkongsian harta

¹² Ibnu Katsir. Imam Ismail bin Umar Ibnu Katsir. (2013). *Misbah Al-Munir Fi Tahzib Tafsir Ibnu Katsir*. Darussalam.

Harta merupakan hak mutlak Allah SWT. Manusia hanya bertindak sebagai pengganti sementara sahaja dalam mengendalikan harta milikNya. Pengendalian tersebut harus berpaksikan kepada ilmu pengagihan harta yang betul agar semua pihak mendapat hak masing-masing. Oleh itu, pemantapan ilmu memainkan peranan penting sewaktu pemberian bantuan sebagaimana yang disebut dalam firman Allah SWT iaitu :

أَمْنٌ هُوَ قَبْنِتُ ءَانَاءَ الْأَلَيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَخْذُرُ الْآخِرَةَ وَبَرِّجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هُلْ يَسْتَوِي
الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ⑤

Terjemahan : Apakah orang yang taat beribadah di waktu malam dengan bersujud dan berdiri, mereka takut dengan azab akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhananya itu (Sama dengan orang musyrik)? Katakanlah “Apakah sama orang yang mengetahui dan orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya yang dapat mengambil pelajaran hanyalah orang-orang yang mempunyai fikiran.

Surah Al-Zumar (39): 9

Individu yang sentiasa mengambil pengajaran daripada peristiwa yang berlaku memiliki akal fikiran yang sihat¹³. Ini jelas menunjukkan perbezaan orang yang berilmu dan tidak berilmu. Orang yang berilmu sentiasa tenang dan yakin dalam mengambil sebarang tindakan. Hal ini kerana mereka sudah memikirkan risiko yang akan berlaku semasa tindakan dijalankan. Berbanding dengan orang yang tidak berilmu, mereka mudah panik dan cenderung untuk marah kerana tekanan akibat kekurangan ilmu dalam bab pengurusan pentadbiran. Islam memandang tinggi darjat orang-orang yang berilmu. Ilmu bukan sahaja terhad di sekolah sahaja, malah lebih meluas. Setiap perbuatan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada ilmu yang diperolehnya. Ayat di atas diperincikan lagi di dalam hadis di bawah berkenaan dengan kewajiban menuntut ilmu iaitu :

عَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ: قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ طَلَبَ الْعِلْمَ فَرِيقَةً عَلَى
كُلِّ مُسْلِمٍ. وَوَاضِعُ الْعِلْمِ عِنْدَ غَيْرِ أَهْلِهِ كَمْقَلِدُ الْخَنَازِيرِ الْجَوَهْرِ وَاللُّؤْلُؤِ
وَالْذَّهَبِ.

¹³ Al-Jazairi, Abu Bakar Jabar Al-Jazairi (1990), *Aisar At-Tafsir li Al-Kalami Al-Aliyyi Al-Kabir*, Jeddah : Jami' Huquq At-Tab'a Al-Mahfuzah.

Terjemahan : Dari Anas bin Malik berkata Rasulullah SAW bersabda menuntut ilmu merupakan fardhu bagi setiap orang islam. Orang yang memberikan ilmu bagi selain ahlinya adalah seperti orang yang mengkalungkan babi dengan mutiara, emas dan permata.¹⁴

Kewajiban menuntut ilmu disyariatkan di dalam Al-Quran dan hadis adalah untuk menyelamatkan manusia daripada kesilapan memilih jalan. Dalam konteks perkongsian harta, hakikat *amar ma'ruf nahyu mungkar* memainkan peranan supaya manusia saling berkongsi harta melalui saluran yang betul seperti bersedekah, berwakaf dan menunaikan zakat. Selain itu, perkongsian harta mendidik masyarakat mananamkan sifat *qana'ah* dalam diri. Ketiadaan sifat ini mendorong manusia untuk bermegah-megah dengan harta yang dimiliki sedangkan perbuatan tersebut dilarang dalam Islam. Sifat ini juga menghalang seseorang daripada iri hati dengan nikmat orang lain sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah SWT iaitu :

وَلَا تَمْدَنَّ عَيْنِيكَ إِلَى مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْهُمْ رَّهْرَةً أَخْلَيْتُهُمْ فِيهِ وَرِزْقٌ
رَّبِّكَ خَيْرٌ وَأَبْقَى ﴿٢٣﴾

Terjemahan: Dan janganlah kamu tujukan kedua-dua matamu kepada kesenangan yang telah Kami berikan kepada golongan-golongan dari mereka, itu hanyalah sebagai kembang kehidupan dunia, untuk Kami menguji mereka dengannya. Dan nikmat Tuhan kamu adalah lebih baik dan kekal.

Surah Taha (20): 131

قد أفلح من هدي إلى الإسلام، ورزق الكفاف، وقع به

Terjemahan: Sesungguhnya sangat beruntung seorang yang memasuki Islam, kemudian mendapatkan rezeki yang secukupnya dan Allah SWT menganugerahkan kepadanya sifat *qana'ah* (berasa cukup dan puas) dengan rezeki yang Allah SWT berikan kepadanya.¹⁵

¹⁴ Sunan Ibnu Majah, Muqaddimah, Bab Fadhlul 'Ulama Wa Al-Hathu 'Ala Tholabul 'Ilmi. No 224.

¹⁵ Sunan Ibn Majah, Kitab Ar-Rahdu, Bab Al-Qana'ah, No 4138

Hasad dengki sentiasa mengekori manusia yang tamak sehingga menjadi keadaan, manusia lupa bahawa rezeki yang Allah SWT janjikan sudah tertulis dalam pengetahuanNya¹⁶. Fitrah manusia menginginkan kehidupan yang serba lengkap dan sempurna. Demi mencapai impian tersebut, sesetengah daripada mereka rela bekerja keras sehingga keletihan yang melampau. Oleh itu, Islam mengajar umatnya agar sentiasa bersederhadana dalam mencari harta. Justeru, sifat *qana'ah* mengajar muslim untuk sentiasa beringat bahawa nikmat yang dikurniakan adalah berdasarkan ketetapan Allah SWT tanpa wujud unsur keterikatan dengan pihak lain.

Di samping itu, perkongsian harta dengan golongan yang memerlukan memberi kesedaran kepada manusia bahawa harta bersifat sementara dan boleh ditarik. Ini menunjukkan sesungguhnya harta adalah hak mutlak Allah SWT dan manusia perlu berhati-hati menggunakaninya agar tidak melampaui batas. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT iaitu :

لَكُنَّا لَا تَأْسُوا عَلَىٰ مَا فَيَكُمْ وَلَا تَفْرَحُوْ بِمَا إِئْشَكُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلُّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٦﴾

Terjemahan : Supaya kamu jangan berduka cita atas apa yang lupiter dari kamu, dan (supaya) kamu jangan terlalu gembira terhadap apa yang Dia berikan kepadamu. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang sompong lagi membanggakan diri.

Surah Al-Hadid(57): 23

Harta yang ditarik tidak boleh membuatkan manusia bersedih¹⁷. Beliau memetik kata-kata Ibnu Abbas bahawa peribadi seorang mukmin ialah mereka yang bersyukur dengan nikmat dan bersabar menghadapi musibah. Maka perasaan sedih dan gembira tidak boleh berlebihan dan melampaui batas. Ini menunjukkan nikmat dan musibah ialah ujian daripada Allah SWT untuk menilai keimanan dan ketakwaan hamba-hambaNya. Ujian ialah tanda kecintaanNya dan sebagai seorang muslim yang mukmin, manusia perlu menyedari hakikat ujian sebagai pendidik jiwa yang paling utuh bagi seorang hamba.

Ilmu sangat penting untuk menjadikan manusia agar bijak mengendalikan nikmat harta yang dikurniakan. Secara tidak langsung, istilah ‘nahyu mungkar’ dapat dilihat melalui tindakan manusia yang tidak boros dalam membelanjakan harta, malah harta tersebut juga disalurkan mengikut jalan yang

¹⁶ At-Thabari, (1994), *Tafsir At-Thabari Min Kitabih Jami’Al-Bayan ‘An Ta’wil Al-Quran*, Beirut: Muassasah Ar-Risalah.

¹⁷ Al-Qurthubi, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr Al-Qurthubi (2006). *Al-Jami’ li Ahkam Al-Quran*. Beirut : Muassasah Ar-Risalah.

benar. Ini jelas menunjukkan perkongsian harta yang betul tidak lari daripada pensyariatan yang telah ditetapkan dalam Islam.

3.3 Pencapaian manfaat

Elemen filantropi Islam turut dapat dicerminkan dengan pensyariatan hukum di dalam Islam yang bertujuan untuk mencapai objektif syara' iaitu menolak kemudaran dan mencapai manfaat, malah kaedah fiqh turut menggariskan bahawa kerosakan yang sedikit dimaafkan untuk mengambil manfaat yang besar. Untuk memastikan harta digunakan oleh semua pihak, seseorang itu mesti yakin dengan janji Allah SWT bahawa setiap pemberian yang dihulurkan akan diganti semula malah ditambahkan lagi. Firman Allah SWT menyebut tentang pencapaian manfaat melalui harta yang dinafkahkan iaitu :

٥٦. لَيْسَ عَلَيْكُمْ هُدًىٰ مِّنْ أَنفُسِكُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَا نَنْهَاكُمْ
تُنْفِقُونَ إِلَّا أَبْتِغَاءَ وَجْهَ اللَّهِ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوْفَ إِلَيْكُمْ وَأَنَّمَا لَا تُظْلَمُونَ ^{١٨}

Terjemahan: Bukanlah kewajibanmu menjadikan mereka mendapat petunjuk, akan tetapi Allah yang memberikan petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Dan apa sahaja harta yang baik kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka (pahalanya) untuk kamu sendiri dan seharusnya kamu tidak menafkahkan sesuatu melainkan kerana mencari keredaan Allah, dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan, nescaya kamu akan diberi (pahalanya) dengan cukup dan (sedikit pun) kamu tidak akan dianiayai.

Surah Al-Baqarah (2): 272

إِنَّكَ لَنْ تَنْفِقْ نَفْقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا أَجْرَتْ عَلَيْهَا، حَتَّىٰ مَا تَجْعَلْ فِي
فِي امْرَأَتِكَ

Terjemahan : Sesungguhnya engkau tidaklah memberikan suatu nafkah yang dengannya itu kamu mengharapkan keredaan Allah, melainkan engkau tentu akan diberi pahala atas nafkah yang kami berikan itu sehingga sesuatu yang kamu berikan untuk makanan isterimu (yakni memberi nafkah makanan kepada isteri itupun ada pula pahalanya).¹⁸

Elemen ini berkaitan dengan medium sedekah sama ada secara sukarela mahupun sedekah yang wajib. Sekiranya seseorang bersedekah untuk mencari

¹⁸ Sahih Al-Bukhari, Kitab Al-Iman, Bab Ma Ja'a An Al-A'mal Binniyat Walhisbah, No 57

keredaan Allah SWT, maka pahalanya bergantung pada Allah SWT dan tidak menjadi permasalahan sama ada sedekah tersebut diterima oleh orang yang baik atau jahat¹⁹. Bahkan bersedekah juga dibenarkan kepada bukan mukmin. Setiap sedekah yang dibuat pasti diberi ganjaran pahala sama ada sedekah tersebut diberi kepada orang mukmin mahupun orang kafir selama mana niat untuk mencari keredaan Allah SWT²⁰. Ibadah ini menjadi ujian kepada manusia dari segi keyakinan mereka terhadap janji Allah SWT. Muslim yang berserah kepada Allah SWT akan sentiasa bersangka baik dengan dugaan yang diberikan. Ini menyebabkan mereka sentiasa dekat dengan Allah SWT sehingga gigih berusaha mencapai keberkatan dariNya.

Pencapaian manfaat dalam harta dapat dilihat melalui penggunaan media sosial sebagai modus operandi dalam perniagaan. Sebagai contoh, aplikasi *Tiktok*, *Facebook* dan *Instagram* banyak digunakan sebagai platform kepada masyarakat untuk menderma sambil berbelanja. Kebanyakan peniaga *online* menjual barang dengan harga marhaen dan beberapa jumlah hasil jualan didermakan kepada yang memerlukan. Mereka dilihat lebih terkehadapan berbanding masyarakat bukan peniaga kerana mampu bergerak bebas tanpa tertakluk pada platform rasmi kerajaan dan bekerja menggunakan telefon bimbit atau komputer peribadi masing-masing²¹. Perbezaan platform dalam menguruskan perniagaan tidak menjadi isu dalam usaha membantu golongan yang dalam kesusahan. Kewujudan *influencer* menerusi media sosial menjadi perhatian orang ramai apabila mereka melaksanakan program berbentuk kebaikan dan kemasyarakatan. Program tersebut secara tidak langsung menarik minat orang ramai untuk terlibat dalam program berunsurkan kemasyarakatan.

3.4 Berkasih sayang

Islam menghargai harkat kehidupan manusia yang saling memerlukan antara satu sama lain. Semangat berkasih sayang ini dapat dibuktikan melalui amalan soleh yang dikerjakan. Ini selaras dengan firman Allah SWT di bawah :

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًا

¹⁹ Ibid, p. (ibnu katsir)

²⁰ Al-Jazairi, Abu Bakar Jabar Al-Jazairi (1990), *Aisar At-Tafsir li Al-Kalami Al-Aliyyi Al-Kabir*, Jeddah : Jami' Huquq At-Tab'a Al-Mahfuzah.

²¹ Muaz Mohd Noor, S.Salahudin Suyurno, Rawi Nordin, Mohd Zaid Mustafar, Muhammad Taufik Md Sharipp, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz. (2020), Strategi Komunikasi Kedermawanan Dalam Kalangan Pengguna Media Sosial Berpengaruh (*Social Media Influencer*) Di Malaysia *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 2 (1). 33 – 47.


Terjemahan : Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Tuhan Yang Maha Pemurah akan menjadikan bagi mereka kasih sayang.

Surah Maryam(19): 96

Perasaan kasih sayang yang tumbuh dalam hati adalah disebabkan mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya²². Ketenangan muncul dalam kehidupan manusia yang sentiasa akur dengan perintah seperti menunaikan zakat kepada golongan yang telah ditetapkan dalam Islam. Taraf kehidupan manusia yang berbeza-beza mendorong perlaksanaan filantropi Islam. Oleh sebab filantropi banyak berkaitan dengan harta, maka masyarakat perlu memanfaatkan harta yang dimiliki untuk menghasilkan kasih sayang melalui bantuan yang diberikan. Tujuan berkasih sayang dapat menjadikan seseorang mengambil iktibar melalui perjalanan hidup golongan yang memerlukan. Oleh itu, jelas dilihat bahawa filantropi merupakan konsep yang memupuk kasih sayang melalui amalan memberi bantuan. Hasilnya, manusia akan saling menghargai pertolongan yang dihulurkan serta berpuas hati kerana memenuhi perintah Allah SWT untuk meneruskan silaturahim dalam kalangan umat Islam.

Jika diperhatikan melalui setiap ayat Al-Quran dan hadis yang diturunkan, elemen filantropi Islam ini merangkumi semua aspek kehidupan manusia seperti penggunaan harta, keyakinan terhadap Allah SWT, sifat belas dan sebagainya. Malah, keredaan dan keberkatan Allah SWT juga dapat dicapai kerana memenuhi kemaslahatan masyarakat. Oleh itu, penerapan konsep ini dalam jati diri menunjukkan manusia dengan konsep ibadah bergerak seiring. Segala perbuatan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada niat semata-mata kerana Allah SWT.

Selain itu, filantropi dalam Islam turut menekankan aspek menjaga hubungan sesama insan melalui nilai teras yang perlu ada dalam diri terutamanya apabila berhadapan dengan golongan yang memerlukan bantuan.



²² At-Thabari. (1994). *Tafsir At-Thabari Min Kitabih Jami'Al-Bayan 'An Ta'wil Al-Quran*. Beirut: Muassasah Ar-Risalah.

Rajah 2: Hubung kait elemen filantropi dalam pengagihan harta dan kehidupan bermasyarakat

Rajah 2 menunjukkan elemen filantropi Islam yang membentuk gabungan dan kespaduan antara prinsip kedermawanan, perkongsian harta, pencapaian manfaat dan berkasih sayang yang mampu mewujudkan masyarakat yang sejahtera.

4. PERBAHASAN ANALISIS FILANTROPI ISLAM TERHADAP PENGAGIHAN HARTA MENURUT AL-QURAN DAN HADIS

Secara fitrah, setiap amalan akan berubah mengikut peredaran zaman. Perubahan yang berlaku menyebabkan suasana persekitaran juga berbeza. Sejarah pernah membuktikan kegemilangan Islam berjaya menakluki seantero dunia dengan pelbagai sektor seperti sektor ekonomi, pendidikan, budaya, akhlak dan pelbagai lagi. Elemen-elemen filantropi Islam di atas dilihat sebagai konsep yang membantu golongan tertentu terutamanya apabila berkaitan dengan harta benda.

Sifat kedermawanan dalam filantropi Islam membantu menutup jurang kemiskinan. Istilah kedermawanan tersebut banyak memperlihatkan seorang individu yang memiliki kewangan yang banyak bermurah hati bersedekah serta memberi bantuan kepada pihak yang memerlukan. Sebagaimana seorang usahawan perniagaan berupaya mengeluarkan seseorang individu dari kancang kemiskinan tanpa mengharapkan bantuan orang lain²³. Sifat kedermawanan merangkumi amalan bersedekah, mengeluarkan zakat dan memberi wakaf kepada pihak-pihak yang sepatutnya. Anjuran filantropi Islam dari perspektif memberi bantuan justeru melatih masyarakat untuk bersedia mengembangkan hubungan sosial dalam institusi kemasyarakatan. Ini bertepatan dengan konsep keadilan masyarakat dari sudut penerimaan hak yang selayaknya. Filantropi berbentuk keadilan sosial dapat menghilangkan jurang pemisah antara golongan kaya dan miskin²⁴. Secara asasnya, kewujudan jurang tersebut adalah untuk menggugat keadilan beberapa individu yang tidak bernasib baik dan menjadikan golongan kaya lebih sombong dan angkuh dengan nikmat yang dikurniakan.

²³ Norajila Che Man, Mohd Faizal P. Rameli, Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Nurul Hidayah Mansor, (2022), Kelestarian Kewangan Sosial Golongan Miskin Rentan Melalui Mekansme i-CSR Berdasarkan *Qard Al-Hasan*, *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 4(12), p. 2.

²⁴ Abdurrohman Kasdi, (2016), Filantropi Islam Dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat (Model Pemberdayaan ZISWAF di BMT Se-Kabupaten Demak), *IQTISHADIA : Jurnal Kajian Ekonomi & Bisnis Syariah*, 9(2), p. 227.

Penghuluran bantuan merupakan cara efektif untuk menyucikan diri daripada sifat bakhil, pemalas, egois dan mementingkan diri sendiri. Hadis di atas menyatakan bersedekah tidak akan mengurangkan jumlah harta, malah dilimpahkan lagi kenikmatan dari semua aspek terhadap individu yang melaksanakannya. Oleh sebab itu, Islam mewajibkan pengeluaran zakat bagi yang berkemampuan dan galakkan bersedekah bagi umat Islam sebagai tanda beriman kepada Allah SWT.

Di samping itu, perkongsian harta melibatkan perasaan sukarela antara dua individu untuk berkongsi harta atau hasil usaha bersama-sama dalam sebuah kehidupan. Dalam konteks ini, pasangan suami isteri dilihat merupakan individu yang sentiasa berkongsi kehidupan bersama melalui akad nikah yang sah. Menikmati kehidupan yang sama di bawah satu bumbung memerlukan sifat bertolak-ansur yang tinggi antara kedua-dua pihak. Ini selaras dengan firman Allah SWT berkenaan dengan perkongsian tanggungjawab iaitu :

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ
وَقُتْبَيْمُونَ أَصْلَوَةً وَنُؤْثِنَ الْزَّكَوَةَ وَبُطْسِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّدُمُ الْمُحْسِنُونَ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ
عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Terjemahan: Dan lelaki-lelaki yang beriman dan perempuan-perempuan yang beriman, sebahagian daripada mereka ialah pemimpin. Mereka itu menyuruh membuat ma'ruf dan melarang dari yang mungkar, dan mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat dan taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu ialah orang-orang yang akan diberi Rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Surah At-Taubah(9): 71

Ayat di atas sebagai penegasan bahawa tampuk kepimpinan bukan sahaja pada bahu lelaki, tapi juga wanita²⁵. Tambahan pula, lelaki dan perempuan perlu melaksanakan tanggungjawab antara satu sama lain dan sentiasa bersegera melaksanakan kebaikan dan menjauhi segala perkara mungkar²⁶. Secara tidak langsung, ayat ini menunjukkan perkongsian kehidupan antara pasangan suami dan isteri merangkumi harta sepencarian. Harta sepencarian ialah harta yang

²⁵ Hamka, Syaikh Abdul Malik bin Abdul Karim Amirullah (1981), *Tafsir Al-Azhar*, Surabaya : Yayasan Latimojong.

²⁶ Fathi Osman, (1997), *Concepts Of The Quran A Topical Reading*, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

diperolehi oleh pasangan melalui tempoh perkahwinan yang melibatkan harta alih seperti wang tunai dan harta tak alih seperti rumah dan tanah.

Berdasarkan ayat di atas, harta sepencarian menjadi tanggungjawab suami dan isteri sebagai kunci peneguhan ekonomi rumah tangga. Harta sepencarian ini dikembangkan sedikit demi sedikit sepanjang tempoh perkahwinan. Di sebalik maksud ‘suami isteri perlu berdikari sendiri tanpa bantuan ibu bapa’, tujuan mencari harta ini adalah untuk menstabilkan kewangan institusi keluarga melalui usaha psangan sendiri. Ini menunjukkan bahawa tanggungjawab memelihara kehidupan adalah wajib bagi lelaki dan perempuan dan ini menepati konsep maqasid syariah dalam perspektif memelihara nyawa. Selaras dengan Surah Al-Zumar ayat 9 yang menyebutkan perbezaan orang yang berilmu dan tidak berilmu. Bagi pasangan yang berilmu, mereka akan berusaha bersungguh-sungguh mengembangkan harta dalam rumah tangga kerana usaha tersebut menjadi satu laluan pengumpulan harta sepencarian sepanjang perkahwinan. Namun bagi pasangan yang ketandusan ilmu, dibimbangi mereka mengembangkan harta menggunakan cara yang dilarang dalam syarak seperti menipu, mengugut dan pelbagai lagi.

Secara asasnya, filantropi Islam merangkumi semua amalan kebaikan termasuk dari segi kewangan, nilai-nilai murni, hubungan kemasyarakatan, ekonomi, politik, pendidikan dan sebagainya. Amalan ini menggunakan harta sebagai alat untuk memenuhi hajat dan keperluan yang diingini. Dari sudut maqasid syariah, harta dipandang sebagai aspek *daruriyyah* yang wajib dipenuhi dalam kehidupan manusia²⁷. Sebagai contoh, harta berbentuk wang diperlukan untuk individu menjalani kehidupan sehari-hari seperti membeli makanan dan minuman, pakaian dan perubatan. Manakala harta berbentuk tempat tinggal diperlukan untuk manusia berehat dan beribadah. Tanpa harta ini, akan wujud manusia yang tinggal bergelimpangan di kaki lima dan menjalani kehidupan yang tidak sistematik.

Selain itu, pengagihan harta dibuat oleh manusia dengan merujuk hukum hakam-Islam yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan agama Islam mempromosikan filantropi dalam ekonomi supaya dapat memastikan keadilan semua pihak tanpa mengira status dan pangkat. Oleh itu, harta dijadikan sebagai perantaraan yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua pihak seperti penderma dan penerima sumbangan. Melalui sumbangan yang diberi, penderma dapat menyucikan diri daripada sifat kedekut dan berusaha mencari harta yang halal untuk membantu golongan yang memerlukan. Semangat keseronokan membantu justeru datang daripada keyakinan terhadap ganjaran yang telah

²⁷ Ahmad Fihri, (2017), Harta Dalam Pemanfaatan Filantropi Islam, *Al-Urban : Jurnal Ekonomi Syariah & Filantropi Islam*, 1(2), p. 125-137.

dijanjikan oleh Allah SWT. Manakala penerima sumbangan akan berasa senang dan bersyukur dengan bantuan yang dihulurkan sekaligus mendoakan kesejahteraan individu yang membantunya. Jika dilihat di sini, harta boleh menjadi mekanisme yang memupuk nilai kemanusiaan yang tinggi dalam diri seseorang. Oleh sebab sejak dari awal harta tersebut disumbangkan ke arah kebaikan, maka amalan ini telah memenuhi prinsip maqasid syariah iaitu *hifz al-mal* (pelihara harta) dan *hifz an-nafs* (pelihara nyawa). Konsep *hifz al-mal* dapat dilihat apabila harta tersebut tidak digunakan ke arah kemungkaran manakala konsep *hifz an-nafs* dilihat melalui penyaraan kehidupan seseorang.

Filantropi Islam berkembang seiring dengan syariat maqasid syariah yang bertujuan untuk melengkapkan kemaslahatan ummah. Pencapaian manfaat dalam filantropi Islam dapat memantapkan keyakinan seorang hamba terhadap ganjaran yang diberkati oleh Allah SWT sama ada di dunia mahupun di akhirat. Ini dapat ditemukan melalui firman Allah SWT iaitu :

﴿لَيْسَ عَلَيْكَ هُدًىٰهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَن يَشَاءُ وَمَا تُفْقِدُونَ مِنْ خَيْرٍ فَلَأَنْفُسِكُمْ وَمَا تُفِقِّهُنَّ إِلَّا أُبَيْعَاءَ وَجْهَ اللَّهِ وَمَا تُنِيَّثُونَ مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنُّمْ لَا تُظْلَمُونَ﴾²⁸

Terjemahan : Bukanlah kewajibanmu menjadikan mereka mendapat petunjuk, akan tetapi Allah yang memberikan petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Dan apa sahaja harta yang baik kamu naufkahkan (di jalan Allah), maka (pahalanya) untuk kamu sendiri dan seharusnya kamu tidak menafkahkan sesuatu melainkan kerana mencari keredaan Allah, dan apa saja harta yang baik yang kamu naufkahkan, nescaya kamu akan diberi (pahalanya) dengan cukup dan (sedikit pun) kamu tidak akan dianiayai.

Surah Al-Baqarah(2): 272

إِنَّكَ لَنْ تَنْفَقْ نَفْقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا أَجْرَتْ عَلَيْهَا، حَتَّىٰ مَا تَجْعَلْ فِي
أَمْرَاتِكَ

Terjemahan : Sesungguhnya engkau tidaklah memberikan suatu naufkah yang dengannya itu kamu mengharapkan keredaan Allah, melainkan engkau tentu akan diberi pahala atas naufkah yang kami berikan itu sehingga sesuatu yang kamu berikan untuk makanan isterimu (yakni memberi naufkah makanan kepada isteri itupun ada pula pahalanya).²⁸

²⁸ Sahih Al-Bukhari, Kitab Al-Iman, Bab Ma Ja'a An Al-A'mal Binniyat Walhisbah, No 57

Kedua-dua sumber di atas menjelaskan kewajiban memberi nafkah adalah sebagai usaha untuk mencapai manfaat daripada harta yang diperolehi. Selain itu, kuasa membeli dalam kalangan masyarakat secara tidak langsung mendorong semangat filantropi Islam. Konteks pencapaian manfaat dalam bab jual beli menyumbang semangat tolol menolong apabila pembeli membuat pembelian dengan niat menyokong peniaga-peniaga kecil menyara kehidupan. Peniaga-peniaga tersebut akan berasa syukur dan mendoakan kesejahteraan individu yang menyokongnya. Maka boleh dilihat di sini pencapaian manfaat dapat dicapai apabila kedua-dua pihak saling mendoakan antara satu sama lain melalui saluran menderma serta bantu membantu.

Akhir sekali, dapatan kajian mendapati perlaksanaan filantropi Islam menghasilkan sifat kasih sayang antara individu dan masyarakat. Belas kasihan mula wujud melalui perantaraan komunikasi segera seperti meminta bantuan, luahan perasaan, perbualan ringkas dan pelbagai lagi bentuk komunikasi. Dalam proses ini, hubungan sosial akan terjalin sehingga muncul nilai-nilai kemanusiaan yang dinyatakan dalam istilah filantropi. Filantropi menekankan prinsip kesukarelawanan dan prinsip ini justeru mewujudkan elemen kasih sayang melalui hubungan sosial antara kedua-dua belah pihak. Filantropi merupakan amalan yang mampu meningkatkan sosio ekonomi masyarakat, mengurangkan kadar kemiskinan dan membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan masyarakat²⁹. Ini dapat dibuktikan melalui nilai harta wakaf yang sekiranya disatukan dari segi jumlah saiz dan modal keseluruhannya mencapai trillion ringgit. Oleh itu, wakaf berperanan mengurangkan bebanan kewangan yang ditanggung negara serta isu yang melibatkan sosio-ekonomi masyarakat.

Pelbagai medium dalam filantropi Islam melahirkan perasaan kasih sayang antara pihak-pihak. Antaranya ialah zakat, sedekah, hibah, wakaf dan infaq. Medium-medium ini dilihat sama sahaja tujuannya namun perbezaan boleh dilihat melalui prosedur dan syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan dalam Islam. Sebagai contoh, hibah merupakan antara kaedah yang menjadi pilihan orang ramai terutamanya bagi yang sudah berkeluarga. Perlaksanaan hibah tidak memerlukan prosedur yang rumit seperti pembahagian harta pusaka secara faraid. Perlaksaan hibah ini adalah sunat dan sangat digalakkan dalam Islam. Berdasarkan firman Allah SWT dalam Al-Quran dan hadis iaitu :

²⁹ Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee, Abdul Rashid Abdul Aziz, Asma Md Isa, (2020), Kefahaman dan Tingkah Laku Masyarakat Terhadap Amalan Filantropi Islam Semasa Pandemik Covid-19, *Malaysia Journal of Sosial Sciences and Humanities*, 5(12), p. 1-15.

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا

Terjemahan : Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Tuhan Yang Maha Pemurah akan menjadikan bagi mereka kasih sayang.

Surah Maryam(19): 96

Berdasarkan ayat di atas, kasih sayang tidak akan terputus bagi orang-orang yang sentiasa melakukan kebaikan. Hal ini dapat dilihat melalui perlaksanaan hibah yang menjadi pilihan ketua keluarga sebelum berlaku kejadian yang tidak diingini seperti kemalangan atau kematian. Hibah dalam keluarga biasanya dipilih kerana dilihat sebagai satu produk yang boleh memberi pulangan yang menguntungkan kepada mereka³⁰. Konsep hibah amat sesuai diamalkan oleh masyarakat terutamanya apabila sistem pewarisan haraid gagal berfungsi dengan baik disebabkan masalah-masalah tertentu seperti kejahilan waris dalam memahami konsep faraid, pengabaian penyelesaian pusaka dan kelewatan akibat urusan pentadbiran³¹ (Rusnadewi & Nor Hisyam, 2013). Hibah biasanya diperolehi selepas kematian salah seorang ahli keluarga yang memohon hibah semasa hayatnya. Manfaat hibah tersebut adalah sebagai pertolongan bagi ahli keluarga yang ditinggalkan untuk meneruskan kehidupan setelah lumpuh tumpuk kepimpinan ketua keluarga.

5. KESIMPULAN

Agama Islam sangat menganjurkan semangat saling membantu dalam kalangan umat sejagatnya merentasi perbezaan agama, kulit, suku dan bangsanya. Anjuran filantropi Islam memperlihatkan manusia sebagai makhluk yang penuh dengan jiwa kemanusiaan. Filantropi melibatkan perasaan kasih sayang yang mendorong semangat sukarela membantu orang yang memerlukan tanpa paksaan. Dalam Islam, setiap amalan kebaikan dijanjikan ganjaran sama ada berbentuk timbal balik, ketenangan, keberkatan rezeki dan persekitaran yang selesa. Ini jelas membuktikan bahawa konsep filantropi Islam dapat meningkatkan ketakwaan seorang Muslim dalam menjalani ujian kehidupan selagi hayat dikandung badan.

Sejarah filantropi Islam membuktikan bahawa perkongsian harta telah lama dibuat sejak zaman para sahabat. Cara sumbangan dibuat adalah dengan

³⁰ Noor Lizza Mohamed Said, Mohd. Ridzuan Awang, Amir Husin Mohd Nor, (2012), Hibah Dengan Syarat Balasan Menurut Pandangan Fuqaha Dan Kedudukannya Dalam Undang-Undang Sivil Jordan, *Jurnal Syariah*, 20(3), p. 309-328.

³¹ Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad, (2013), Pengurusan Harta Melalui Hibah : Kepentingan & Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah, *Jurnal Hadari*, 5(1), p. 91–104.

merujuk syariat-syariat yang telah diturunkan melalui Al-Quran dan hadis. Hasil analisis mendapatkan penerokaan konsep filantropi Islam menghasilkan prinsip yang baru iaitu kedermawanan, perkongsian harta, pencapaian manfaat dan kasih sayang. Semua prinsip ini justeru melahirkan nilai empati yang tinggi dalam diri masyarakat. Ini membezakan perlaksanaan filantropi Islam yang sentiasa berbalik kepada Allah SWT berbanding filantropi Barat yang dibuat disebabkan moral semata-mata. Oleh itu, usaha untuk menyemarakkan prinsip filantropi Islam sewajarnya diteruskan kerana bukan hanya mendatangkan kebaikan unit keluarga namun juga komuniti masyarakat sebagai satu titik penting dalam membina keharmonian.

RUJUKAN:

- Al-Quran Al-Karim.
- Abdul Rashid, R. Ahmad, N.H. (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah : Kepentingan & Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah. *Jurnal Hadari*. 5(1). 91 – 104.
- Al Bukhari, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr Al-Qurthubi (1991), (*Shahih Bukhari Juz 1*) (trj. Achmad Sunarto), Kuala Lumpur: Asy -Syifa' Darulfikir.
- Al-Jazairi, Abu Bakar Jabar Al-Jazairi (1990), *Aisar At-Tafsir li Al-Kalami Al-Aliyyi Al-Kabir*, Jeddah : Jami' Huquq At-Tab'a Al-Mahfuzah.
- Al-Qurthubi, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr Al-Qurthubi (2006). *Al-Jami' li Ahkam Al-Quran*. Beirut : Muassasah Ar-Risalah.
- Andah, A.K. (1983). (*Harta dan Pemerintahan dalam Islam*) (trj. Haji Salahuddin Abdullah). Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- At-Thabari. (1994). *Tafsir At-Thabari Min Kitabihi Jami'Al-Bayan 'An Ta'wil Al-Quran*. Beirut: Muassasah Ar-Risalah.
- Fihri, A. (2017). Harta Dalam Pemanfaatan Filantropi Islam. *Al-Urban : Jurnal Ekonomi Syariah & Filantropi Islam*. 1(2). 125-137.
- Ibnu Katsir. Imam Ismail bin Umar Ibnu Katsir. (2013). *Misbah Al-Munir Fi Tahzib Tafsir Ibnu Katsir*. Darussalam.
- Ibnu Majah. (1992). (*Sunan Ibnu Majah*) (trj. Al Ustadz H. Abdullah Shonhaji). Kuala Lumpur: Asy Syifa' Darulfikir.
- Kasdi, A. (2016). Filantropi Islam Dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat (Model Pemberdayaan ZISWAF di BMT Se-Kabupaten Demak). *IQTISHADIA : Jurnal Kajian Ekonomi & Bisnis Syariah*. 9(2). 227.
- Latief, H. (2013). Filantropi Dan Pendidikan Islam Di Indonesia. *Jurnal Pendidikan Islam*. 28(1). 123.

- Mana, N.C. Ramelib, Mohd Faizal P. Jusohc, W.H.N.H. (2022). Kelestarian Kewangan Sosial Golongan Miskin Rentan Melalui Mekansme i-CSR Berdasarkan *Qard Al-Hasan*. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*. 4(12). 2.
- Marhaban, H.S. (1977). *Tokoh-Tokoh Islam di Zaman Nabi*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Mohamed Said, N.L. Awang, M.R. Mohd Nor, A.H. (2012). Hibah Dengan Syarat Balasan Menurut Pandangan Fuqaha Dan Kedudukannya Dalam Undang-Undang Sivil Jordan. *Jurnal Syariah*. 20(3). 309-328.
- Mohd Soffian Lee, U.H. Abdul Aziz, A.R. Md. Isa, A. (2020). Kefahaman dan Tingkah Laku Masyarakat Terhadap Amalan Filantropi Islam Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysia Journal of Sosial Sciences and Humanities*. 5(12). 1-15.
- Mufida, M.H. Kamaliyah F.I. Ramadhan, H.A. (2022). Menelaah Al-Quran & Hadis Filantropi Islam ‘Perbandingan Tafsir Ibnu Katsir Dan Tafsir Fi Zhilalil Quran’. *Jurnal Al-Munir*. 4(2). 300.
- Nofiaturrahmah, F. (2018). Penanaman Karakter Dermawan Melalui Sedekah. *ZISWAF : Jurnal Zakat & Wakaf*. 4(2). 313.
- Noor, M.M. Suyurno S.S. Nordin, R. et al. (2020). Strategi Komunikasi Kedermawanan Dalam Kalangan Pengguna Media Sosial Berpengaruh (*Social Media Influencer*) Di Malaysia. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*. 2(1). 33 – 47.
- Osman, F. (1997). *Concepts Of The Quran A Topical Reading*, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Othman, R. (2019). Filantropi Islam Dan Wakaf Korporat Di Malaysia. Dalam Hisyam, M & Syahidah, N (Eds.). *Konsep Filantropi dalam Sudut Pandang Islam* (pp.29-49). Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Rashid, R.A & Ahmad, N.A. (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah : Kepentingan & Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah. *Jurnal Hadari*. 5(1). p. 91–104.
- Syaikh Abdul Malik bin Abdul Karim Amirullah (Hamka). (1981). *Tafsir Al-Azhar*. Surabaya : Yayasan Latimojong.
- Yayasan Pembinaan Masyarakat Islam. (1983). *Terjemah Al-Qur'an Secara Lafzhiyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antar